

KOLEKSI SOALAN
PERCUBAAN SPM
TASAWWUR ISLAM
TAHUN 2023

BAHAGIAN B
SOALAN 5

TERENGGANU
JOHOR
PAHANG
PERAK
SARAWAK

DISEDIAKAN OLEH:

CIKGU SITI NASRAH BINTI DAUD

SMK TEJA PUTRA, DUNGUN, TERENGGANU

TERENGGANU

- 5 (a) (i) Apakah maksud qisas? [2 markah]
(ii) Senaraikan **dua** kesalahan yang termasuk dalam hukuman qisas beserta hukuman. [4 markah]
(iii) Nyatakan **dua** kesalahan yang dikategorikan di bawah diat berat. [2 markah]
- (b) Nyatakan **dua** syarat pelantikan hakim. [2 markah]
- (c) Jelaskan **dua** cara untuk menjauhkan diri daripada perbuatan jenayah [4 markah]



- (c) (i) Berdasarkan petikan akhbar di atas, nyatakan hukuman jenayah dalam Islam yang bersesuaian dengan kesalahan tersebut. [1 markah]
(ii) Pada pandangan anda mengapakah gejala di atas membawa kesan buruk kepada masyarakat? [5 markah]

JOHOR

- 5 (a) (i) Apakah maksud hamba? [2 markah]
(ii) Jelaskan **dua** tindakan sebagai hamba dan khalifah Allah SWT dalam kehidupan setiap individu. [4 markah]

(c) **Abu seorang remaja yang baik tetapi gemar memandu motosikal dengan had kelajuan yang tinggi. Abu juga sering mengikuti perlumbaan motosikal secara haram pada waktu malam bersama-sama dengan rakan-rakannya. Abu tidak menghiraukan keselamatan dirinya serta pemandu yang lain semasa berada di atas jalan raya.**

- (i) Nyatakan cara yang Abu perlu lakukan untuk menjauhkan diri daripada perbuatan tersebut? [2 markah]
(ii) Bincangkan tindakan yang sesuai dilakukan oleh Abu untuk menjauhkan diri daripada melakukan perbuatan yang dilarang oleh agama dan undang-undang negara. [4 markah]
- (d) Huraikan kesan pengabaian peranan hakim. [4 markah]

SARAWAK

- 5 (a) (i) Nyatakan maksud Rabbaniyyah. [2 markah]
(ii) Jelaskan **dua** keistimewaan prinsip pandangan hidup Islam dalam kehidupan manusia. [4 markah]
(iii) Apakah tindakan yang sepatutnya anda lakukan jika majikan anda melarang menutup aurat ketika bekerja bagi tujuan melariskan jualan. [6 markah]
- (b) (i) Nyatakan pengertian murunah dan thabat beserta contoh. [4 markah]
(ii) Jelaskan **dua** ciri-ciri alamiyyah dalam kehidupan manusia Menurut pandangan hidup Islam. [4 markah]

PAHANG

- 5 (a) (i) Nyatakan **dua** ciri akal. [2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** fungsi akal. [4 markah]

- (iii) Terangkan **dua** perkara yang merosakkan akal. [4 markah]

- (b) Huraikan **dua** cara merealisasikan sistem perundangan Islam dalam kehidupan [4 markah]



- (c) (i) Berikan contoh salah laku yang sering dilakukan oleh pelajar. [1 markah]

- (ii) Cadangkan tindakan yang boleh dilakukan untuk mematuhi pelaksanaan perundangan Islam dalam kehidupan. Bincangkan. [5 markah]

PERAK

- 5 (a) Terangkan **dua** fungsi wahyu dalam pembentukan akhlak manusia. [4 markah]

Firman Allah yang bermaksud:

Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, silih bergantinya malam dan siang, bahtera yang berlayar di laut membawa apa yang berguna bagi manusia, dan apa yang Allah turunkan dari langit berupa air, lalu dengan air itu Dia hidupkan bumi sesudah mati (kering)-nya dan Dia sebarkan di bumi itu segala jenis haiwan, dan pengisaran angin dan awan yang dikendalikan antara langit dan bumi; sungguh (terdapat) tanda-tanda (keesaan dan kebesaran Allah) bagi kaum yang memikirkan.

(Surah al-Baqarah 2:164)

- (b) (i) Senaraikan **dua** fenomena alam yang boleh dirasakan oleh pancaindera manusia dalam ayat di atas. [2 markah]

- (ii) Dengan memerhati fenomena alam seperti ayat diatas dapat meyakinkan manusia tentang kekuasaan Allah sebagai pencipta. Kemukakan pandangan anda. [4 markah]

- (c) Jelaskan **dua** cara Islam memelihara akal [4 markah]

(d) Terangkan etika kehakiman islam. [2 markah]

(e) Cadangkan **dua** tindakan yang perlu dilakukan untuk menjauhkan diri daripada perbuatan jenayah. [4 markah]

PANDUAN PENSKORAN

TERENGGANU

5	(a)	(i)	Maksud qisas ialah kesalahan dan hukuman mengikut ketetapan syarak yang wajib dilaksanakan(1m) bagi menunaikan hak manusia yang dizalimi secara fizikal. (1m)	1 isi x 1m =2 markah						
		(ii)	Dua kesalahan yang termasuk dalam hukuman qisas beserta hukuman ialah: <table><tr><th>Kesalahan</th><th>Hukuman</th></tr><tr><td>Membunuh dengan sengaja</td><td>Dibalas bunuh</td></tr><tr><td>Mencederakan anggota badan</td><td>Dibalas cedera sebagaimana kecederaan mangsa</td></tr></table>	Kesalahan	Hukuman	Membunuh dengan sengaja	Dibalas bunuh	Mencederakan anggota badan	Dibalas cedera sebagaimana kecederaan mangsa	2 isi x 2m =2 markah
Kesalahan	Hukuman									
Membunuh dengan sengaja	Dibalas bunuh									
Mencederakan anggota badan	Dibalas cedera sebagaimana kecederaan mangsa									
		(iii)	Dua kesalahan diat berat: ■ Membunuh dengan sengaja yang ada niat membunuh. ■ Membunuh dengan tidak sengaja tetapi seolah-olah sengaja.	2 isi x 2m =4 markah						
	(b)		Dua syarat pelantikan hakim ialah: ■ Islam dan beriman ■ Baligh dan berakal ■ Adil ■ Berilmu dan bijaksana ■ Sempurna pancaindera	1 isi x 2m =2 markah						
	(c)		Dua cara untuk menjauhkan diri daripada perbuatan jenayah ialah: ■ Mematuhi semua peraturan yang ditetapkan oleh agama agar dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. ■ Menuntut ilmu yang bermanfaat merangkumi ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah bagi memperoleh kejayaan dalam hidup. ■ Memilih rakan yang baik seperti rakan yang sentuasa berakhlak mulia da serta sentiasa mengajak untuk melakukan kebaikan.	2 isi x 2m =4 markah						
	(d)	(i)	Hukuman jenayah dalam Islam ialah 40 kali sebatan	1 isi x 1m =1 markah						
		(ii)	Kesan buruk yang berpunca daripada arak akan meruntuhkan institusi kekeluargaan (F/1m) kerana boleh menimbulkan pergaduhan antara suami isteri (H1/1m). Sebagai contoh berlakunya perceraian/pembunuhan (H2/1m) akibat hilangnya kewarasan akal (H3/1m). Oleh itu kita hendaklah menjauhi perkara yang boleh merosakkan akal agar hidup diredhai Allah SWT. (K/1M)	F=1M H1=1M H2=1M H3=1M K=1M =5 markah						

JOHOR

5	(a) (i) Maksud hamba ialah manusia mengabdikan diri hanya kepada Allah SWT dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.	[2 markah]
	(ii) Dua tindakan sebagai hamba dan khalifah Allah SWT -Menyertai aktiviti yang berfaedah seperti Kem Jati Diri untuk membentuk keyakinan diri dan kekuatan rohani. -Menyertai aktiviti yang berfaedah untuk memberikan kesedaran tentang manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT.	[4 markah]
	(b) Dua kelebihan berfikir sebagai seorang murid. -murid dapat membezakan perkara yang baik dan buruk -murid dapat membezakan antara perkara kebenaran dan kesesatan -murid memahami hakikat kebesaran dan kekuasaan Allah SWT. -murid dapat memahami dan memikirkan wahyu firman Allah SWT. -murid dapat memahami dan membuktikan kebenaran Islam. -murid dapat mempelajari cara-cara untuk mendekat diri dan beribadat kepada Allah SWT. -murid dapat memikirkan kejadian makhluk dan alam.	[4 markah]
	(c) (i) Cara yang Abu perlu lakukan untuk menjauhkan diri daripada perbuatan tersebut: - Mematuhi peraturan agama seperti menunaikan solat dan menutup aurat. -Mengisi masa lapang dengan perkara berfaedah seperti riadah dan membaca. -menuntut ilmu yang bermanfaat seperti ilmu fardu kifayah. -memilih rakan yang baik seperti rakan yang sentiasa berakhlak mulia. Pilih mana-mana jawapan yang bersesuaian.	[2 markah]
	(ii) Tindakan yang sesuai dilakukan oleh Abu untuk menjauhkan diri daripada melakukan perbuatan yang dilarang oleh agama dan undang-undang negara ialah : -mengisi masa lapang dengan perkara yang berfaedah.(1m) Ini kerana akan membantu seseorang daripada melakukan perbuatan sia-sia.(1m) Kesannya Abu akan merasa bersalah dan tidak ingin untuk terlibat dengan aktiviti perlumbaan haram.(1m) Kesimpulannya kita hendaklah menjadikan ajaran Islam sebagai pegangan hidup agar tidak terjerumus dalam perbuatan jenayah.(1m)	[4 markah] (isi + h1 + h2 + kesimpulan)
	(d) Kesan pengabaian peranan hakim ialah: -Hukuman tidak dapat dijalankan secara adil kerana hakim tidak menjalankan tanggungjawab dengan sempurna. -Tersalah membuat keputusan kerana memilih hakim yang berperangai pemaarah atau tidak dapat mengawal perasaan. -Ragu-ragu dalam menjatuhkan kesalahan kepada pesalah kerana memilih hakim yang mempunyai perangai ragu-ragu dan tidak tegas menjatuhkan hukuman. -Kemungkinan akan berlaku kesalahan dalam menjatuhkan hukuman kerana hakim salah menjatuhkan hukuman kepada orang yang teraniaya.	[4 markah]

SARAWAK

5	(a)	(i)	<u>Maksud Rabbaniyyah</u> Rabbaniyyah ialah segala hukum, konsep, nilai dan peraturan yang terkandung dalam Islam bersumberkan wahyu Allah SWT.	[1 Isi X 2 m] [2 Markah]
		(ii)	<u>Dua keistimewaan prinsip pandangan hidup Islam</u> 1. Sesuai dengan fitrah dan akal manusia 2. Bersifat jelas dan praktikal 3. Sesuai dengan peranan manusia sebagai khalifah Allah SWT 4. Seimbang antara rohani dan jasmani	[2 Isi X 2 m] [4 Markah]
		(iii)	<u>Tindakan yang sepatutnya anda lakukan</u> 1. Saya akan memberitahu secara berhemah/bahawa menutup aurat adalah wajib bagi orang Islam adalah wajib/tidak boleh ditinggalkan/boleh membawa kepada dosa. 2. Memohon untuk berhenti kerja/seandainya majikan berkeras untuk tidak membenarkan memakai tudung /kerana ianya mengundang kemurkaan Allah SWT. <u>Mana mana jawapan yang munasabah diterima</u>	[2 Isi X 2h X2 hl] [6 Markah]
	(b)	(i)	<u>Maksud Murunah dan Thabat beserta contoh</u> • Murunah luwes atau anjal iaitu boleh berubah mengikut kesesuaian, namun tetap pada prinsip asasnya Contoh : Cara Solat, cara berpakaian, memilih pekerjaan yang halal • Thabat adalah tetap (qat'iyy) tidak boleh diubah dasarnya. Contoh: Hukum solat lima waktu, hukum menutup aurat hukum bekerja, hudud, qisas, diat, takzir	[2 Isi X 2C] [4 Markah]
		(ii)	<u>Dua ciri ciri Alamiyyah</u> 1. Kedudukan manusia sebaik-baik kejadian 2. Nilai keadilan sejagat 3. Islam menjamin hak asasi manusia 4. Mencegah kemungkaran menegakkan kebaikan	[2 Isi X 2m] [4 Markah]

PAHANG

5.	(a)	(i)	♦ Sentiasa berubah / berkembang. ♦ Membezakan manusia dengan haiwan. ♦ Tidak mampu memikirkan perkara ghaib. ♦ Anugerah Allah SWT yang paling istimewa kepada manusia.	(2 isi x 1 m)
		(ii)	♦ Memahami / membuktikan kebenaran Islam (1m) dalam kehidupan. (1m) ♦ Memahami / memikirkan wahyu (1m) agar berada di landasan yang benar (1m). ♦ Memikirkan kejadian makhluk / alam (1m) untuk melihat kebesaran Allah SWT. (1m) ♦ Memahami hakikat kebesaran Allah SWT (1m) agar dapat meningkatkan keimanan. (1m) ♦ Membezakan antara kebenaran / kebatilan (1m) agar tidak terpesong dari syariat Islam. (1m) ♦ Mempelajari cara-cara beribadat kepada-Nya (1m) supaya menjadi hamba-Nya yang taat. (1m)	(2 isi x 2 m)
		(iii)	♦ Penyalahgunaan bahan terlarang (1m) seperti dadah / syabu (1m). ♦ Gejala negatif / maksiat (1m) seperti membaca / menonton bahan lucah (1m). ♦ Memikirkan perkara di luar kemampuan akal (1m) seperti memikirkan zat Allah SWT (1m). ♦ Mengambil makanan / minuman yang memabukkan / merosakkan akal (1m) seperti arak (1m).	(2 isi x 2 m)
		(b)	♦ Mengamalkan cara hidup Islam (1m) supaya diberkati Allah SWT (1m). ♦ Sentiasa mengamalkan akhlak mulia (1m) supaya kehormatan diri terpelihara (1m). ♦ Melaksanakan segala perintah Allah SWT (1m) seperti menunaikan solat lima waktu (1m). ♦ Meninggalkan segala larangan Allah SWT (1m) supaya hidup tidak terpesong dari kebenaran (1m). ♦ Berpegang teguh dengan peraturan Allah SWT (1m) kerana Allah SWT Maha mengetahui yang terbaik bagi manusia (1m)	(2 isi x 2 m)
	(c)	(i)	♦ Buli. ♦ Ponteng. ♦ Hisap vape / rokok Jawapan munasabah diterima	(1 isi x 1 m)
		(ii)	Contoh jawapan : Mempelajari ilmu agama (1F) agar memantapkan amalan (H1) contohnya solat di awal waktu (H2) di masjid / surau kampung (H3) Kesimpulannya, kita wajib melaksanakan perintah Allah SWT (H4) agar mendapat rahmat dari-Nya. (H5) Cadangan isi :- ♦ Makan makanan halal. ♦ Patuhi undang-undang. ♦ Pakai pakaian menutup aurat. ♦ Mengamalkan muamalat Islam.	

PERAK

5	(a)	Dua fungsi wahyu dalam pembentukan akhlak insan • Wahyu memberi panduan (1m) dalam pembentukan akhlak mulia(1m) • Wahyu menetapkan hukum-hukum praktis (1m) yang berkaitan akhlak(1m) • Wahyu membimbing masyarakat untuk berinteraksi (1m)antara satu sama lain.(1m)	2 Isi x 2 M= 4 markah Isi + Huraian										
	(b)	(i) • hujan • haiwan • bahtera/kapal • air	2 Isi x 1 M= 2 markah										
		(ii) Rubrik Penskoran <table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan satu pandangan (F)</td><td>1M</td></tr><tr><td>Menjelaskan pandangan/ Huraian Ringkas (H1)</td><td>2M</td></tr><tr><td>Menghuraikan pandangan/ Huraian lengkap / Contoh atau sebab atau dalil (H3)</td><td>3M</td></tr><tr><td>Menghuraikan pandangan / Kesimpulan ringkas</td><td>4M</td></tr></table> Cadangan isi: 1- wahyu mendidik akal supaya berfikir secara logik. 2- Wahyu membimbing akal dalam memelihara kebenaran.	Kriteria	Skor	Menyatakan satu pandangan (F)	1M	Menjelaskan pandangan/ Huraian Ringkas (H1)	2M	Menghuraikan pandangan/ Huraian lengkap / Contoh atau sebab atau dalil (H3)	3M	Menghuraikan pandangan / Kesimpulan ringkas	4M	4 markah
Kriteria	Skor												
Menyatakan satu pandangan (F)	1M												
Menjelaskan pandangan/ Huraian Ringkas (H1)	2M												
Menghuraikan pandangan/ Huraian lengkap / Contoh atau sebab atau dalil (H3)	3M												
Menghuraikan pandangan / Kesimpulan ringkas	4M												
	(c)	• Menyuruh umatnya menuntut ilmu(1m) supaya pemikiran berkembang(1m) • Melarang umatnya melakukan perkara yang merosakkan akal fikiran(1m) seperti membaca bahan lucah(1m) • Melarang perbuatan minum arak(1m) kerana ianya membahayakan diri(1m) • Mensyariatkan hukuman sebat 40 kali kepada peminum arak(1m) supaya timbul rasa insaf(1m)	2 Isi x 2 M= 4 markah Isi + Huraian										
	(d)	• hakim dilarang menyebelahi mana-mana pihak sama ada pihak pendakwa atau tertuduh (1m)supaya wujud keadilan (1m) • hakim hendaklah jujur dalam menjalankan tugas(1m) supaya kewibawaannya dihormati(1m) • hakim dilarang untuk mensabitkan kesalahan terhadap tertuduh jika ada keraguan(1m)supaya tidak berlaku penganiayaan(1m) • Hakim dilarang menghakimi orang yang ada kepentingan dengannya seperti kaum keluarga,rakan dan sebagainya (1m)supaya keputusan yang dibuat tepat(1m)	1 Isi x 2 M= 2 markah Isi + Huraian										
	(e)	Dua tindakan • Mematuhi peraturan agama(1m) seperti menunaikan solat (1m) • Menuntut ilmu yang bermanfaat(1m) seperti ilmu fardu ain(1m) • Mengisi masa dengan perkara berfaedah(1m) seperti membaca.(1m) • Memilih rakan yang baik (1m) seperti rakan yang berakhlak mulia(1m)	2 Isi x 2 M= 4 markah Isi + Huraian										

